

PENYATA RASMI
MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

HARI KHAMIS

12 SEPTEMBER 2019

BIL. 6 TAHUN 14

HADIR

YB Speaker,
Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

YB Timbalan Speaker,
Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

**YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**
Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia
Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad
(Kota Iskandar)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**
Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti
Tuan Jimmy Puah Wee Tse
(Bukit Batu)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan
Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna**
Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah
(Bekok)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Keusahawanan
dan Koperasi**
Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar**
YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi, PIS II., BSI., AMN
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar
dan Alam Sekitar**
Tuan Tan Chen Choon
(Jementah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri
(Tenang)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, SPMJ., DSNS., AMN., PIS.
(Kempas)

YB Tuan Tan Hong Pin
(Skudai)

YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang
(Puteri Wangsa)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Puan Chew Peck Choo
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong
(Senai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok
(Maharani)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim
(Senggarang)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.
(Endau)

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, GPDK., PIS., PSI., AMN., KMN.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.
(Kukup)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep
(Bukit Pasir)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi

Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan
(Parit Yaani)

YB Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM
(Gambir)

YB Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN.
(Simpang Jeram)

Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.

DOA.

(Penolong Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh salam sejahtera, selamat pagi. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pagi ini kita memulakan Mesyuarat Kedua bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 9 September 2019, sukacita Dewan ini merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Semoga Allah SWT melanjutkan usia dan memberkati pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berbahagia Datin Sri Atkah binti Abdullah, Ahli Dewan Negeri, bekas Ahli Dewan Negeri kawasan Kluang yang telah berkhidmat selama 2 penggal mulai 21 Oktober 1990 hingga 10 November 1999, telah kembali ke rahmatullah pada 8 Julai 2019.

Dukacita dimaklumkan juga, Yang Berbahagia Dato' Yusof bin Malim Kuning, bekas Ahli Dewan Negeri kawasan Johor Lama yang telah berkhidmat selama 2 penggal mulai 22 Oktober 1973 hingga 11 Jun 1978 dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai 7 April 1982 hingga 12 Ogos 1986, telah kembali ke rahmatullah pada 13 Ogos 2019.

Dukacita juga dimaklumkan, Yang Berbahagia Dato' Mohd Salleh bin Haji Tahir, bekas Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Tinggi yang telah berkhidmat mulai 25 April 1964 hingga 19 Mac 1969 dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai 10 Mei 1969 hingga 17 Julai 1978, telah kembali ke rahmatullah pada 30 Ogos 2019.

Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Datin Sri Atkah binti Abdullah, Yang Berbahagia Dato' Yusof bin Malim Kuning dan Yang Berbahagia Dato' Mohd Salleh bin Haji Tahir. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan bagi orang-orang Islam marilah kita mendedekahkan surah Al-Fatihah kepada roh-roh yang telah meninggalkan kita. Al-Fatihah.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Yang Berhormat Speaker, pembetulan sekadar untuk rekod. Allahyarhamah Puan Sri Atkah adalah bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Medan bukan Kluang.

YB Speaker : Maklum. Terima kasih atas pemakluman itu ya.

Pada 8 dan 9 September yang lepas, Dewan Negeri Johor juga telah mengadakan Bengkel Memperkasakan Dewan yang telah dihadiri oleh majoriti Speaker-Speaker dan Timbalan Speaker di seluruh negara bersama dengan ADUN-ADUN Dewan Negeri Johor, di mana telah diadakan di Fraser Palace, Puteri Harbour, Kota Iskandar yang telah merumuskan 5 resolusi:-

Pertama, menstrukturkan Institusi Dewan Johor, mewujudkan jawatankuasa pilihan, menambah peruntukan rakyat, meningkatkan mutu perbahasan sidang dewan negeri dan dewan mesra rakyat.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 28 tahun 2019 - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 dan Penyata Memorandum mengenai : Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 1 Tahun 2018.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 29 tahun 2019 - Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Larkin, jemput.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 1.

Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan risiko ketirisan melalui penawaran kontrak atau kerja secara terus (*direct nego*)?

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Larkin mengenai proses perolehan kerajaan.

Pemeriksaan sistem perolehan kerajaan secara tender terbuka merupakan penekanan kerajaan negeri Johor yang diyakini lebih adil untuk semua pihak terutama bagi kontraktor bumiputera sekiranya mereka ingin mendapatkan kontrak kerajaan. Ini kerana kerajaan mahu memastikan pihak yang mendapat tender berkenaan mempunyai kelayakan dan mampu menyiapkan projek yang diberikan serta mengelakkan ruang-ruang bolehnya berlaku ketirisan. Namun, hanya bagi kes-kes tertentu yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan, PK 7.13, Garis Panduan Perolehan Secara Rundingan Terus sahaja yang boleh dibenarkan dilaksanakan melalui kaedah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, terdapat 5 kriteria dan syarat utama bagi membolehkan kaedah rundingan terus dilakukan. Yang pertama, perolehan berkenaan yang mendesak dan perlu disegerakan, sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera maka ia akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

Kedua, bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli maka permohonan untuk membeli barangan yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan.

Ketiga, terdapat beberapa kes perolehan yang hanya mempunyai satu punca bekalan atau perkhidmatan ini bermaksud pembelian khusus yang mana hanya terdapat satu syarikat sahaja yang dapat membekalkan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti dan lain-lain.

Keempat, perolehan yang melibatkan alat-alat keselamatan dan projek tertentu yang strategik yang perlu dirahsiakan.

Kelima, dalam usaha untuk memupuk pertumbuhan syarikat bumiputera yang bertaraf pembuat, kerajaan negeri telah mengadakan tender khusus yang dibuka kepada pembuat berkenaan sahaja. Bagi barang tertentu yang mana terdapat satu atau dua pembuat

bumiputera sahaja, perolehan secara rundingan terus boleh dipertimbangkan bagi membantu mewujudkan pembuat bumiputera yang berdaya saing.

Sekiranya, memenuhi syarat dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus, agensi melalui pegawai pengawal hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga secara bertulis. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang paling menguntungkan kerajaan. Mesyuarat Rundingan Harga mestilah dihadiri oleh seorang wakil Pegawai Kewangan Negeri, seorang wakil Juruukur Bahan dan lain-lain pegawai yang berkemahiran dalam bidang berkaitan daripada agensi lain. Seterusnya, harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak hendaklah diluluskan dan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan Agensi tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Melulus. Keahlian bagi kedua-dua Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada pegawai yang berbeza, ini bagi memastikan setiap perolehan diuruskan dan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik, *good government practise*, dengan memenuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan.

Selain itu hanya Jawatankuasa yang terlibat termasuk urus setia perolehan perlu mengisi borang perjanjian integriti, *integrity pack*. Mereka yang mengetahui maklumat berkenaan, mereka yang mengetahui maklumat berkenaan tender dan sebut harga secara rundingan terus, termasuk dokumen rundingan terus, arahan rundingan terus dan penilaian rundingan terus adalah diklasifikasikan sebagai sulit. Ia tidak boleh disebar kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan rundingan terus sebelum keputusan muktamad dibuat. Ketua jabatan dan agensi adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1974, Akta 88 dan Akta Pencegahan Rasuah 1967, Akta 575.

Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-Akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai yang terlibat. Ini adalah langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil oleh kerajaan hari ini bagi mengurangkan risiko berlakunya ketirisan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Larkin, soalan tambahan.

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad (Larkin) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih atas penerangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Berdasarkan keterangan tersebut soalan tambahan saya, berapakah jumlah tender terbuka yang berjaya dilaksanakan? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Speaker, bagi tahun 2018, sebanyak 153 tender terbuka telah berjaya mendapat kelulusan. Bagi tahun ini hingga 18 Ogos 2019, sebanyak 142 tender telah berjaya diluluskan. Selain itu, Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan perbezaan peningkatan hasil daripada penjualan borang tender bagi tahun ini berbanding tahun lepas. Hasil daripada penjualan borang tender menunjukkan peningkatan yang amat ketara pada tahun ini, sebanyak RM429,360.00, hasil berjaya diperolehi berbanding tahun lepas hanya sebanyak RM208,950.00. Ini membuktikan kerajaan sentiasa adil kepada semua pihak dan memberi peluang khususnya kepada kontraktor bumiputera mendapatkan kontrak kerajaan dan mereka adalah benar-benar layak. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Benut, jemput.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, bila kita berbicara tentang soal risiko ketirisan bagi tender-tender atau kontrak yang dianugerahkan, kita melihat kepada jumlah perbelanjaan kerana di situ kita akan mengukur risiko ketirisan.

Jadi Yang Berhormat, adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan pembangunan yang melibatkan kerja-kerja tender, berapakah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan setakat ini atau yang diperuntukkan oleh kerajaan setakat ini? Dan, kalau berdasarkan kepada jumlah kerja yang telah, Yang Amat Berhormat sebut tadi sebanyak 153 tender terbuka dan sebagainya, nilai Yang Berhormat, nilai tender dan kontrak yang telah dibelanjakan setakat ini supaya dapat kita ukur, dia punya kadar ketirisan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Amat Berhormat.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Benut. Untuk hari ini saya tiada jumlah penilaian sebenar yang telah ditenderkan namun saya akan jawab melalui jawapan secara bertulis. Terima kasih.

YB Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput soalan seterusnya.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya soalan kedua.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi rumah tidak dijual dalam Negeri Johor ?

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Perling di atas soalan yang dikemukakan. Mengikut data dari Pusat Maklumat Hartanah Negara ataupun NAPIC di bawah Jabatan Penilaian Perumahan Harta Kementerian Kewangan Malaysia bagi suku yang pertama 2019, negeri Johor merupakan negeri yang tertinggi mempunyai jumlah hartanah tidak terjual iaitu 51,459 unit yang bernilai RM36.754 bilion. Hartanah yang mempunyai jumlah terjual yang paling tinggi ialah daripada hartanah SOHO dan juga servis apartmen mewakili 58.55% ataupun RM20.783 bilion. Dan, kemudian diikuti oleh tanah kediaman mewakili 33.93% atau RM10.95 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada dua faktor utama yang menyumbang kepada isu hartanah kediaman yang tidak terjual di negeri Johor iaitu :

1. Harga rumah yang tinggi termasuk harga lot-lot bumiputera.
2. Kesukaran atau kegagalan pemohon untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak bank.

Yang Berhormat Tuan Speaker, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi atau mengurangkan jumlah rumah tidak terjual adalah seperti berikut :

Pertama, Kerajaan dengan kerjasama REHDA, Persatuan Pemaju Perumahan atau pihak Pemaju Perumahan sendiri telah mengadakan Kempen Pemilikan Rumah, dengan izin, House Ownership Campaign, ringkasnya HOC.

Di Johor HOC telah diadakan pada 26 April 2019 di KSL Mall, Johor Bahru. Pada kebiasaan dalam HOC ini diskaun harga akan diberikan termasuklah pengecualian duti setem dan kos guaman. Pada 16 Ogos 2019 yang lalu, saya telah merasmikan pameran Hartanah Rumah anjuran NSTP di KOMTAR, JBCC yang menawarkan pelbagai insentif termasuk diskaun harga, pengecualian duti setem dan kos guaman. Pada 7 September baru-baru ini pula, saya telah melancarkan Kempen Penjualan Lot Bumiputera di UEM Land di Seri Alam

dengan memberikan diskaun sehingga 30% kepada lot-lot bumiputera di samping RM20,000.00 kos *renovation*, dengan izin dan cabutan nombor bertuah dengan hadiah satu unit apartmen. Pada hari pelancaran itu sahaja, hampir 100 unit lot bumiputera yang dapat dijual.

Yang Kedua, lot-lot bumiputera dan Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) diadakan secara jualan terus atau langsung kepada pemohon yang berminat dan berkelayakan melalui kaunter-kaunter yang dibuka oleh SUKJ Bahagian Perumahan dalam kempen-kempen pemilikan rumah (HOC) yang saya sebut tadi dan pameran-pameran hartanah yang diadakan.

Ketiga, dalam Dasar Perumahan yang berkuat kuasa 1 April 2019 yang lalu dikenakan syarat baharu di mana semua pemaju perumahan semasa memohonkan kelulusan merancang (KM) daripada PBT melalui OSC, dengan izin, *One Stop Centre*, mereka perlu mengemukakan Laporan Pasaran (*market study*) atau laporan kemungkinan (*Feasibility Study*) untuk memastikan bahawa pembangunan yang dicadangkan mempunyai permintaan di pasaran supaya jumlah hartanah yang tidak terjual boleh dibendung daripada meningkat daripada masa ke semasa. Bahkan kerajaan negeri mencadangkan supaya pemaju perumahan membina lebih banyak rumah kediaman yang berharga di bawah RM500,000.00 daripada jenis bertanah ataupun *landed*.

Keempat, kerajaan negeri telah menubuhkan Task force Hartanah Tidak Terjual bagi membantu pihak pemaju-pemaju perumahan mengurangkan jumlah bilangan hartanah kediaman yang tidak terjual dan perkara yang akan dipertimbangkan adalah memperkenalkan Kempen Insentif Hartanah Tidak Terjual mungkin dalam masa 12 bulan bergantung kepada perlanjutan tempoh dengan budi bicara kerajaan negeri bagi hartanah yang berharga RM600,000.00 seunit ke atas. Antara perkara lain yang sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan negeri termasuklah memudahkan proses pelepasan lot bumiputera termasuk tempoh wajib 12 bulan supaya pemaju boleh memohon pelepasan lot bumiputera *stages* dengan izin ataupun peringkat peratusan pelepasan setiap permohonan pelepasan lot bumiputera dan kemungkinan juga tempoh bayaran sumbangan 7.5% bagi setiap lot bumiputera yang dilepaskan. Termasuk juga yang akan dipertimbangkan adalah harga lantai bagi pemilikan warga asing dengan izin, *foreign ownership*.

Kelima, kerajaan Johor berusaha untuk memastikan Projek Rentas Sempadan dengan izin, *Trans Border* iaitu Projek RTS (*Rapid Transit System*) antara Singapura dengan Johor Bahru serta Projek HSR (*High Speed Rail*) antara KL dan Singapura akan dapat diteruskan kerana kedua-dua boleh meningkatkan *connectivity*, dengan izin atau kesalinghubungan antara Johor dengan Singapura yang juga akan menjadi pemangkin untuk menarik minat warga Singapura atau warga negara lain untuk membeli dan melabur dalam hartanah di negeri Johor yang melebihi daripada harga RM1 juta. Di samping itu, projek laluan kereta api berkembar antara Gemas dan Johor Bahru yang sedang dalam pembinaan dan cadangan pembinaan Iskandar Malaysia BRT (Bus Rapid Transit) akan juga menjadi pemangkin untuk meningkatkan permintaan ke atas hartanah kediaman khususnya peringkat negeri. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, Perling. Soalan tambahan.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan tersebut. Jadi, soalan tambahan saya yang berbunyi sebegini. Bilakah Kempen Insentif Hartanah Tidak Terjual oleh pihak kerajaan yang tadi, Yang Berhormat sebutkan tadi akan dilaksanakan? Dan apakah yang membimbangkan ialah tidakkah usaha kerajaan, Yang Berhormat untuk memudahkan pelepasan lot bumiputera bagi hartanah kediaman tidak terjual akan di manipulasi ataupun dengan izin, di *spin* oleh pihak pembangkang sebagai tindakan menggadaikan kepentingan bumiputera? Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih atas soalan tambahan daripada YB Perling. Sebenarnya soalan tambahan yang dikemukakan oleh YB Perling sebenarnya banyak kali atau acap kali ditanyakan kepada saya khususnya daripada pemaju perumahan, bilakah insentif untuk membantu mengurangkan jumlah hartanah khususnya kediaman yang tidak terjual di pasaran di negeri Johor?

Suka saya menjelaskan bahawa dalam kitaran pasaran hartanah yang lengkap, kita mempunyai pasaran memuncak iaitu *bull market* dan juga pasaran menurun iaitu *bear market*. Bila dalam keadaan pasaran *bull market* memuncak, pihak pemaju perumahan akan mendapat keuntungan besar manakala seharusnya bila keadaan pasaran menurun, *bear market*, sepatutnya pembeli mendapat keuntungan daripada penurunan harga rumah tersebut kerana dalam keadaan penurunan ataupun *bear market*, keadaan adalah permintaan lebih rendah daripada penawaran. Itu sebabnya kerajaan negeri tidak bersegera untuk memperkenalkan insentif tersebut tetapi kita memberikan masa kepada kuasa pasaran iaitu permintaan dan penawaran untuk memainkan peranan supaya kita memperoleh keadaan di mana bangsa Johor, rakyat Johor boleh memiliki rumah yang lebih berkualiti, bermutu di lokasi yang strategik pada harga yang lebih rendah. Dan, pada pengamatan saya sekarang ini adalah lebih kurang masa yang sesuai kerana sudah ada pemaju perumahan telah menurunkan harga rumah dengan diskaun 30%. Insya-Allah saya rasa dalam masa yang terdekat, kemungkinan dalam bulan Oktober kerajaan negeri akan memperkenalkan insentif yang saya sebutkan tadi.

Adapun tentang usaha pihak sebelah sana untuk *spin*, ataupun dengan izin apa yang saya sebut tentang mempermudah pelepasan lot bumiputera, kita tidak menolak kemungkinan tersebut. Tetapi satu perkara fakta yang perlu kita ketahui bahawa setiap pelepasan lot bumiputera kita di bawah Dasar Perumahan Negeri Johor, kita mempunyai caj penggantian 7.5% dan tidak semua negeri di dalam Malaysia mempunyai peruntukan tersebut. Jadi, bila mana kita lepaskan setiap lot bumiputera, sebenarnya kerajaan negeri juga akan mendapat gantian 7.5% daripada pasaran ataupun harga hartanah awam dan jumlah 7.5% ini, dana ini boleh digunakan untuk membina Rumah Mampu Biaya kita untuk golongan B40 dan juga M40. Maknanya keadaan itu dengan izin, *substitute* kita lepaskan lot bumiputera kerana menurut rekod daripada SUKJ Perumahan untuk lot-lot bumiputera yang melebihi harga RM600,000.00 kadangkala lepas 12 bulan permohonan pelepasan dia mohon, lot bukan bumiputera telah habis dijual tetapi lot bumiputera masih belum dilanggan oleh pihak bumiputera. Jadi, kita mengambil satu langkah yang saya rasa yang bijak supaya tidak perlu menunggu sampai 12 bulan bagi hartanah yang melebihi RM600,000.00. Tetapi di bawah RM600,000.00, kita masih mengekalkan polisi ataupun dasar yang sedia ada. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Ya, Semarang.

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya. Tadi, dimaklumkan antara faktor ketidakjualan terjualnya hartanah ini adalah kerana kegagalan untuk mendapatkan pinjaman kewangan daripada institusi kewangan. Dan kita juga telah dipaparkan tentang data bilangan hasil daripada inisiatif yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri di mana sebilangan lebih kurang 100 orang pembeli rumah-rumah baru. Adakah kerajaan memantau sejauh, berapakah di antara 100 ini yang benar-benar telah berminat, menunjukkan minat dia beli dan dapat beli sepenuhnya dan memenuhi syarat-syaratnya dan dia dapat beli rumah itu? Maksudnya, adakah kita memantau, kadang kala kita tahu orang memang, semua orang berminat nak beli rumah tetapi kerana rintangan-rintangan dan kekangan ini yang menyebabkan mereka tak jadi beli rumah dan bertambahnya bilangan hartanah-hartanah yang tidak terjual dalam negeri kita. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih soalan tambahan daripada YB Semarang. Sebenarnya kita di peringkat SUKJ Perumahan mempunyai data tersebut. Oleh sebab kita mempunyai sistem yang sama dengan pihak pemaju perumahan, tinggal lagi tidak ada bersama saya sekarang ini. Insya-Allah saya akan kemukakan jawapan tersebut dalam secara bertulis, tetapi kalau kita melihat dari segi statistik yang dikeluarkan oleh NAPIC baru-baru ini untuk 2018 dan juga 2019, di mana negeri Johor dari segi jumlah pindah milik ataupun *amount of transaction* dan juga *value of transaction*, dengan izin adalah yang kedua tertinggi selepas negeri Selangor. Itu menunjukkan bahawa walaupun kita mempunyai jumlah hartanah yang tidak terjual yang paling tinggi di dalam Malaysia tetapi dari segi *volume* pindah milik dan juga nilai pindah milik itu kita adalah yang kedua terbesar selepas daripada negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa yang tertunggak ini, yang tidak terjual ini masih bergerak ke hadapan dilanggni oleh pihak-pihak pembeli sama ada di bawah Rumah Mampu Biaya di bawah RM300,000.00 mahu pun melebihi daripada RM600,000.00 yang saya sebutkan tadi. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Pekan Nanas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, di negeri Johor kita ada suatu keadaan di mana bilangan hartanah tidak terjual, bilangan kita tinggi. Tapi pada masa yang sama kita ada golongan B40, yang golongan miskin mereka nak memiliki rumah tetapi tidak ada penawaran yang mencukupi. Persoalan saya ini, kita sudah ada satu keadaan penawaran dan permohonan adalah tidak seimbang. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini supaya orang yang berminat untuk memiliki rumah kos rendah boleh mendapat penawaran dan pada masa rumah kos tinggi yang tidak ada pasaran dapat diturunkan. Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan Nanas. Sebenarnya dari tahun lepas kita mempunyai beberapa fasa dalam kita meningkatkan penawaran Rumah Mampu Biaya.

Yang pertama, kita membersihkan daripada segi pengagihan Rumah Mampu Biaya dengan kita menghapuskan kuota menegak kerajaan, itu yang pertama. Kemudian kita memperkenalkan *open balloting* dengan izin, iaitu pengundian secara terbuka. Yang ketiga, kita memperkasakan Dasar perumahan Mampu Milik kita ataupun Rumah Mampu Biaya Johor dengan memperkenalkan dasar yang baru bermula 1 April 2019 yang lepas bagi kita memastikan sumber penawaran Rumah Mampu Biaya yang pertama ialah sumbangan iaitu 40% daripada pihak pemaju di atas keseluruhan unit-unit rumah yang dibina. Makna dia sumber pertama perumahan ini adalah daripada 40% sumbangan pihak pemaju swasta kepada kerajaan negeri.

Yang kedua, proses untuk kita menambahkan penawaran ini adalah kita berurusan dengan agensi-agensi kerajaan persekutuan yang sekarang ini diletakkan keseluruhannya di bawah KPKT, (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) termasuklah Syarikat Perumahan Negara berhad, termasuk juga ada empat agensi di bawah KPKT dan malangnya termasuk PPR. Malangnya sekarang ini terdapat sedikit penstrukturan semula khususnya SPNB yang saya difahamkan daripada empat anak syarikat itu akan digabungkan menjadi satu syarikat termasuk juga PPR yang sekarang ini tengah heboh dibincangkan dalam media iaitu tidak lagi untuk tujuan penyewaan tetapi akan untuk dijual.

Walau bagaimanapun, kita masih berurusan, bahkan kita telah mengemukakan 23 tapak meliputi 10 daerah negeri Johor untuk pembinaan PPR dan beberapa projek yang lain. Tahap yang ketiga adalah kita akan mengenal pasti iaitu tanah-tanah milik kerajaan negeri yang diletakkan di bawah SSI sama ada daripada tanah asalnya kerajaan negeri mahupun daripada peruntukan RM100 juta untuk pengambilan balik bagi mewujudkan *land bank* dengan izin untuk projek-projek perumahan mampu biaya kita. Saya telah pun melawat hampir keseluruhan daerah-daerah negeri Johor dan telah pun mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk dibina. Kerana kadang-kadang bila saya sampai ke tapak-tapak dekat

daerah itu ada tanah-tanah yang di *inquire* dengan izin. Sebelum ini tidak sesuai, saya pun tidak pasti sebab apa. Mungkin dekat dengan ADUN yang menang di situlah. Makna tak strategik jauh dari kawasan pembangunan sudah tentu kos *infrastructure* dia lebih tinggi.

Jadi, kita telah buat proses penapisan dan insya-Allah model *business* yang kita buat, kita akan melantik GLC kita bagi menjadi memaju untuk pembinaan rumah-rumah di atas tanah milik kerajaan dan insya-Allah kita boleh jadikan 100% adalah jenis Rumah Mampu Milik. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB Speaker : Pada hari ini, kita telah dihadiri oleh pelawat daripada JCI (Junior Chamber International) seramai 46 orang iaitu JCI JB, JCI JBE, JCI EPE ini bukan expressway. Ini Batu Pahat. JCI Austin Perdana, JCI Sub Key, JCI Skudai Baru, JCI Iskandar Puteri. Terima kasih kerana dapat sama-sama berada di dalam Dewan. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Kempas. Jemput.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapien (Kempas) : Terima kasih, soalan saya soalan 3.

Sila nyatakan perancangan publisiti dan persiapan untuk negeri Johor menyambut Tahun Melawat Johor dan Tahun Melawat Malaysia 2020.

YB Speaker : Jemput, Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kempas yang mengemukakan soalan berkenaan dengan Tahun Melawat Johor yang sebenarnya ramai ADUN-ADUN dan Wakil Rakyat memang semangat dalam mempromosikan Tahun Melawat Johor dengan ini izinkan saya untuk menjawab semua soalan secara keseluruhan.

Kerajaan negeri Johor melalui Tourism Johor amat komited dalam mempromosikan dan memperhebatkan kempen publisiti Tahun Melawat Johor 2020 yang bakal menjelmakan nama negeri Johor sebagai negeri pelancongan yang dinamik. Seperti yang sedia maklum, sektor industri pelancongan mempunyai potensi yang sangat besar sedang dipacu untuk menjadi salah satu penjana utama ekonomi dan rakyat negeri Johor selain menjadi penampan kepada tempas ekonomi dunia yang tidak menentu. Selaras dengan kempen Tahun Melawat Johor 2020 yang sedang giat dijalankan dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, Tourism Malaysia Johor serta pemain-pemain industri sektor pelancongan berikut merupakan inisiatif serta pelan tindakan yang telah dirangka.

Pertama, Majlis Pra Pelancaran Logo dan Maskot Tahun Melawat Johor 2020 telah dilancarkan kepada umum bagi memperlihatkan dan mewarwarkan kepada orang ramai akan kempen promosi dan publisiti *Visit Johor 2020* yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Paradigm Mall Johor Bahru.

Kedua, manakala di peringkat kebangsaan juga telah berlaku Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2020 yang disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah dilaksanakan di KLIA.

Ketiga, Program *Road show* dengan izinya yang akan dilaksanakan di setiap daerah negeri Johor. *Road show* di negeri Pulau Pinang, Sabah dan sekitar Lembah Klang serta negara-negara Asia yang terpilih melalui kaedah pendekatan seperti mana menyertai pameran pelancongan dan *travel mart* di negara masing-masing. Dan selain daripada itu, menyertai pameran-pameran pelancongan anjuran MATTA dengan menjadi destinasi pilihan Malaysia yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Putra World Trade Centre pada 6 hingga 8 September 2019. Di dalam mewujudkan kempen kesedaran akan kedatangan *Visit Johor 2020* kepada rakyat Malaysia khususnya di Lembah Klang kerana pameran MATTA di Kuala Lumpur ini merupakan platform pameran pelancongan

yang terbesar di rantau ASEAN dan terdapat 100,000 peserta yang telah mengunjungi MATTA Kuala Lumpur. Kemudian menggiatkan usaha dalam penglibatan program-program *travel mart* yang mengurus niaga secara terus Melibatkan agensi-agensi pelancongan dari dalam dan luar Negara.

Dan keempat, memperkasakan *digital presence* dengan izinnya merangkumi hebahan promosi dan publisiti melalui media-media utama di medium media sosial bagi mewujudkan *awareness* dengan izinnya terhadap Tahun Melawat Johor 2020.

Kelima, Kempen Tahun Melawat Johor 2020 merangkumi aspek pengurusan prasarana iaitu menambah baik dan memperkasakan aspek-aspek berkaitan pembangunan produk *infrastructure* kemudahan sokongan pelancongan dan pengurusan destinasi. Penganjuran 20 acara dan 20 *destination festival* acara dan ekspo yang bertaraf nasional dan antarabangsa sebagai contoh, Kejohanan E-Sports Festival Layang-Layang Sedunia, Festival Perarakan Chingay dan sebagainya. Mengatur siri lawatan *Fam trip* yang merangkumi pengamal-pengamal media antarabangsa dan domestik, blogger-blogger dan *social influencer* dan agensi-agensi pelancongan. Kemudian, memperhebatkan pengiklanan melalui penyampaian maklumat kepada media elektronik dan media masa di lokasi-lokasi strategik seperti *billboard* dengan izinnya, LED screen, televisyen, radio dan sebagainya. Selain itu, penyediaan aplikasi telefon pintar bagi merancakkan kempen publisiti sempena Tahun Melawat Johor 2020.

Selain daripada itu, pihak Tourism Johor menjalinkan hubungan strategik dan pintar dengan syarikat penerbangan yang mempunyai laluan penerbangan terus dalam dan luar Negara ke negeri Johor seperti Air Asia, Jet Star, Jin Air, Malindo dan Malaysia Airlines. Memandangkan negeri Johor mempunyai 14 pintu masuk utama yang melibatkan darat, udara dan laut. Kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Iskandar Regional Development Authority iaitu IRDA dan Senai Airport Berhad akan diperkukuhkan dengan memastikan kemudahan serta kelancaran kemasukan pelancong di setiap pintu masuk menjadi keutamaan dan dipertingkatkan lagi.

Perancangan publisiti dan inisiatif yang mampan ini akan menjadi penanda aras bagi memperkasakan dan memacu industri pelancongan negeri Johor secara menyeluruh dan dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi persediaan dan kejayaan Tahun Melawat Johor 2020. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Kempas, jemput.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) : Terima kasih Tuan Speaker dan juga EXCO. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa untuk kita menjangkau ke Tahun 2020 ini kita hanya mempunyai masa kurang daripada 12 minggu tapi kalau kita lihat daripada segi umumnya apa yang dikatakan oleh EXCO itu, saya rasa satu benda yang retorik sahaja. Sehingga hari ini, tidak nampak lagi pun. Betul tak? Jadi, saya berharap benar semasa saya jadi Menteri Besar dulu, saya telah pun membuat perjanjian dengan seluruh kepulauan di Indonesia di mana Gabenor-Gabenor di Indonesia ini memberikan pengliputan secara percuma untuk menaikkan papan-papan tanda dan sebagainya di kawasan contohnya di Batam, di Riau di Tanjung Pinang kerana saya lihat tempat-tempat ini begitu ramai pengunjung-pengunjung warga Indonesia yang datang ke Johor. Berbelanja, bah kan juga pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan sebagainya. Dan perkara ini sudah berlaku beberapa bulan yang lepas tetapi sehingga hari ini tidak ada *follow up*, begitu juga semua feri-feri yang menghubungkan antara semenanjung dengan kepulauan di Indonesia ini sudah pun mendapat kelulusan untuk diberikan iklan secara percuma tapi sehingga hari ini tidak satu nampak pun satu *sticker* Tahun Melawat Johor.

YB Speaker : Soalannya?

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Tak apa, biar saya *explain* dulu. Sebab ini dulu kerja saya. Saya rasa sedihlah kalau benda ini tidak dibuat. Faham tak. Sedangkan saya berhempas pulas menggunakan segala peruntukan kerajaan, ada rombongan dan sebagainya, lawatan, jadi masa mencemburui kita, jadi saya hairan. Soalan saya, adakah program saya ini akan disimpan di bawah karpet sahaja ataupun hendak diteruskan. Kalau hendak diteruskan *please* lah dengan izin ambillah tindakan segera. Kalau kurang peruntukan minta kepada Yang Amat Berhormat peruntukan tambahan. Yang Amat Berhormat ada di depan sini. Kalau saya jadi Yang Amat Berhormat saya bagi, sebab kita belanja sedikit akan menambahkan lagi pendapatan dari segi ekonomi di Johor sini. Itu perkara yang amat penting. Jangan kita pandang serius kerana kalau kita gagal dalam melaksanakan, saya ingat Tahun Melawat Johor ini bukan selalu, tahun 2013 dulu ada. Bukan selalu, kalau kita gagal nama negeri Johor juga terjejas. Bermakna kita ini tak bekerja. Selain daripada itu, saya juga minta kerja sama daripada PBT-PBT berikan ruang supaya jangan dikenakan lesen untuk kita naikkan *billboard-billboard* di kawasan ini. Sehingga hari ini pun tidak nampak pun, itu soalan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada ADUN Kempas. Di sini, saya ingin menekankan bahawa pihak kerajaan negeri memang memandang serius terhadap Tahun Melawat Johor 2020. Ini adalah disebabkan sejak Tahun Melawat Johor yang dulu adalah untuk 16 atau 17 tahun yang lepas. So, kali ini memang kita memandang serius dan Yang Berhormat Kempas jangan risau segala perbincangan dan perancangan yang telah dijalankan sebelum ini.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Saya tak risau, saya takut saja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Kita akan teruskan usaha ini. Setakat ini *billboard-billboard* dan publisiti telah pun kita naik kena pasang di KLIA, KLIA2 dan juga di semua KTM yang berada dalam negeri ini. Dan bagi inisiatif atau kunjungan hormat sebelum ini iaitu ke Indonesia, Batam dan kita akan teruskan ini dan kita pun telah berbincang dengan semua feri-feri termasuk juga dengan jeti-jeti supaya publisiti akan di naik selepas kita melancarkan logo dan maskot baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Sikit lagi, saya nak tanya.

YB Speaker : Satu soalan Yang Berhormat.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Tak apa bagi can kepada saya, saya nak tahu akan tu bila? Sebab kita hanya kurang daripada 12 minggu.

YB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohamad (Benut) : Yang Berhormat, janganlah sampai dua kali. Kita baru memperkasakan Dewan Yang Berhormat, mana boleh dua kali Yang Berhormat. Kata tadi nak memperkasakan. Dia dah baca dah, tak harmoni tu Yang Berhormat.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Itulah masuk tiga kali. Jadi kalau tak nak saya cakap dua kali Yang Berhormat...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Tuan Speaker kena tegas dalam Dewan ini, baru balik daripada Memperkasa Dewan dah macam ini rupa Dewan. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Tapi, Rengit tak datang hari itu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Memang tak datang. (Dewan bertepuk)

YB Speaker : Saya persilakan Panti.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Pembangkang tak dijemput.

YB Speaker : Jawapan boleh disimpul oleh YB EXCO. Silakan Panti.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Pembangkang pasal senyap, saya tambahlah sikit.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tidak boleh dua kali.

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) : Saya nak tolong awak. Salah ke saya nak tolong awak?

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Sekarang, terpulang kepada Speaker. Nampak gaya, kalau sebelah sana Speaker benarkan. Mana boleh. Ini tak adil.

YB Speaker : Hasil daripada memperkasakan Dewan ini.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Jadi, maknanya boleh disampuk walaupun tak salah. Ini peraturan baru.

YB Speaker : Ia tidak boleh lari. Kita sedang proses untuk menggugurkan tapi belum lulus lagi.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Oh, belum lulus lagi, oklah.

YB Speaker : Akan datang boleh, insya-Allah.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ini lagi baik maksudnyalah.

YB Dato' Haji Osman bin Sopian (Kempas) : Lain kali kena datang kalau ada seminar.

YB Speaker : Ok, Kempas.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Lain macamlah. (Ketawa).

YB Speaker : Ini semangat selepas daripada Bengkel Memperkasa Dewan. Ok. Yang Berhormat Panti dipersilakan.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya berminat dengan soalan berkenaan dengan Tahun Melawat Malaysia. Yang kita tahu, ialah pada masa yang sama Tahun Melawat Johor 2020, Tahun Melawat Malaysia 2020. Pada masa yang sama juga kita ada SUKMA 2020 pada masa yang sama. Saya ingin bertanya dengan Exco yang berkaitan, ada atau tidak kerjasama ataupun kolaborasi bagaimana mungkin beberapa acara besar yang berlaku di negeri kita pada masa yang sama dapat kita satukan. Sebagai contoh, saya lihat, kalau kita tengok, Tahun Melawat Johor 2020, kita ada Maskot yang tersendiri. Saya tengok juga SUKMA 2020 juga ada Maskot yang tersendiri. Pada cadangan saya lebih baik kalau disatukan atau disamakan. Maksudnya kalau waktu sukan tu dia pakai baju sukan dan sebagainya. So, itulah soalan saya. Kalau ada kolaborasi lebih baik untuk kebaikan kerajaan negeri Johor dan negeri kita. Terima kasih.

YB Speaker : Sila jemput Yang Berhormat EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker. Untuk Soalan Panti, saya tidak pasti sama ada nak tanya EXCO Belia ke nak tanya saya. Tapi tidak apa. Saya nak jawab untuk secara kolaborasi, memang kita ada secara kerjasama dan kolaborasi antara pihak SUKMA dan pihak Tourism Johor. Dan, kerjasama kita adalah secara publisiti dan mempromosikan

tempat-tempat. Apabila peserta-peserta SUKMA yang akan datang ke negeri Johor ini, kita akan dari segi pihak Tourism Johor akan mempromosikan negeri Johor supaya mereka datang ke negeri Johor bukan sahaja untuk sukan tetapi mereka tetap dapat melancong ke tempat-tempat di dalam negeri Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat Skudai.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Yang Berhormat Speaker. Soalan ni terbahagi kepada dua. Satu promosi dan satu lagi persiapan. Jadi, terima kasih atas jawapan daripada EXCO yang banyak cerita tentang promosi. Skudai ingin tahu apakah usaha kerajaan tentang persiapan lain terutamanya dalam memperbaiki infrastruktur, kemudahan infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan. Sekiranya pelancong datang, tetapi dia tidak tahu atau tidak dapat menaiki bas ke tempat ataupun pusat tumpuan pelancongan itu, apa yang boleh dia buat? Jadi, semua ini adalah satu pakej. Jadi saya ingin pencerahan daripada kerajaan, apakah usaha daripada pihak kerajaan untuk membaiki kemudahan infrastruktur dan juga kemudahan khidmat nasihat seperti Pusat Informasi Pelancong, untuk sebagai salah satu persiapan Tahun Melawat Johor 2020 ini.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih kepada Yang Berhormat Skudai. Untuk persiapan bagi Tahun Melawat Johor 2020, memang beberapa inisiatif telah dijalankan oleh Tourism Johor. Pertama berkenaan dengan pengangkutan. Pihak Tourism Johor sebenarnya kita lebih fokus kepada promosi dan publisiti. Walau bagaimanapun, pihak Tourism Johor pula telah mengambil inisiatif untuk berbincang dengan pihak PAJ supaya menambah lagi bas yang laluan dari Johor Bahru ke Larkin supaya memudahkan pelancong-pelancong *travel* atau melalui dengan tempat-tempat destinasi pelancongan. Selain dari itu, dalam bajet kita telah memasukkan bajet-bajet untuk menaik taraf infrastruktur di tempat-tempat pelancongan di negeri Johor. Antaranya termasuk Taman Negara Tanjung Piai dan juga Endau-Rompin dan selain daripada itu, kita pun telah meminta menaik taraf Air Terjun Kota Tinggi. Inilah inisiatif yang telah jalankan oleh pihak Tourism Johor supaya kita memastikan apabila pelancong datang ke negeri Johor, mereka dapat menikmati produk-produk pelancongan di dalam negeri. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya. Dah banyak dah, soalan seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Surat jemput.

YB Dato' Ir Syed Sis bin Syed Abdul Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 4.

Paras Empangan Lebam di Pengerang pada tahap yang kritikal. Adakah Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) bercadang mendapatkan bantuan bekalan air mentah tambahan dari paip Petronas?

YB Speaker : Bukit Pasir, jemput.

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep (Bukit Pasir) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Beberapa empangan di Johor mengalami penurunan paras air yang kritikal. Pengguna air di Johor akan menghadapi masalah bekalan air bersih. Apakah tindakan dari kerajaan negeri untuk mencari kaedah alternatif untuk menangani isu bekalan air bersih supaya mencukupi untuk pengguna?

YB Speaker : Yang Berhormat Pekan Nanas, jemput.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah rancangan kerajaan Johor untuk menyahut cabaran kekurangan bekalan air sejak akhir-akhir ini akibat musim kemarau yang berpanjangan?

YB Speaker : Yang Berhormat Perling, jemput.

YB Tuan Cheo Yee How (Perling) : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya soalan saya nombor 7.

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu penurunan sumber air di loji-loji rawatan air pada musim kemarau yang dijangkakan sehingga hujung tahun ini.

YB Speaker : Dijemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Yang Berhormat Tuan Speaker. Izinkan saya menjawab secara sekali bagi soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, Yang Berhormat Bukit Pasir, Yang Berhormat Perling dan Yang Berhormat Pekan Nenas.

Negeri Johor termasuk negeri-negeri lain di Malaysia kini menghadapi fenomena El Nino yang dijangka akan memberi kesan kepada kemerosotan paras air sungai dan penurunan paras air empangan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan kepada Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia, Monsun Barat Daya dari Mei hingga September yang bermula pada 6 Mei 2019. Dengan dicirikan oleh tiupan angin dari arah barat daya dijangka akan menyebabkan taburan air secara puratanya lebih rendah serta keadaan cuaca yang lebih panas dan kering ke seluruh negara. Negeri Johor juga tidak dikecualikan daripada fenomena ini. Malah suhu maksimum harian yang direkodkan di kebanyakan stesen-stesen meteorologi di Malaysia untuk tempoh daripada 27 Ogos hingga 2 September 2019 adalah antara 30 hingga 35.5°C. Suhu maksimum harian tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh ini adalah 35.8°C di Temerloh, Pahang pada 2 September 2019 berbanding rekod tertinggi di Malaysia adalah 40.1°C di Chuping, Perlis pada 9 April 1998 iaitu semasa episod El Nino yang lepas dan kemuncak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi memastikan tiada gangguan sumber air di loji-loji rawatan air dan bekalan air kepada pengguna, kerajaan Johor telah menyempurnakan beberapa buah projek penyaluran sumber air sama ada dari empangan ke empangan, atau dari sungai ke empangan, atau dari empangan terus ke loji rawatan air. Projek-projek tersebut telah siap sekitar tahun 2017 dan awal 2019. Walau bagaimanapun, operasi penyaluran sumber air ke setiap empangan adalah bergantung kepada storan di empangan sendiri. Sekiranya storan empangan berada di paras amaran, iaitu 80% storan air mentah, maka operasi pemindahan air akan dilaksanakan sekiranya dapat dilaksanakan. Projek-projek yang telah dilaksanakan bagi menghadapi fenomena El Nino di Johor adalah seperti berikut:-

Pertama, Projek Penyaluran Air Mentah Petronas (PAMER) iaitu penyaluran air mentah dari Empangan Seluyut ke Empangan Lebam. Projek tersebut telah siap dan beroperasi mulai tahun 2018 serta menyalurkan air mentah sebanyak 30 MLD ke Empangan Lebam. Bagaimanapun, mulai Julai 2019 disebabkan keadaan cuaca yang cukup panas dan kering, sebanyak 60 MLD atau juta liter sehari telah disalurkan dari Empangan Seluyut ke Empangan Lebam bagi menstabilkan storan air mentah di Empangan Lebam dan seterusnya dapat mengekalkan atau mengelakkan gangguan bekalan air kepada penduduk setempat.

Kedua, Projek Penyaluran Air Mentah Sungai Lenger ke Empangan Congok. Projek tersebut telah siap pada tahun 2017. Pada masa ini sebanyak 16 MLD disalurkan ke Empangan Congok bagi menstabilkan storan air di Empangan Congok. Dijangkakan tiada gangguan bekalan air mentah kepada pengguna di daerah Mersing semasa fenomena El Nino kali ini.

Ketiga, Yang Berhormat Tuan Speaker, Projek Layang 2 Fasa 2, iaitu penyaluran air mentah dari Empangan Seluyut ke Empangan Layang. Projek tersebut pada 2018 dan menyalurkan air mentah ke Empangan Layang sebanyak 130 MLD. Pengempangan air mentah telah dilaksanakan mulai 2019 sehingga sekarang bagi menstabilkan storan Empangan Layang.

Keempat, Projek penyaluran air mentah dari Empangan Kahang ke Empangan Semberong Timur. Projek tersebut telah siap pada awal tahun 2019. Sekiranya berlaku kemerosotan paras air Sungai Semberong dan loji tidak dapat beroperasi, maka sebanyak 33 MLD air mentah akan disalurkan ke Loji Rawatan Air Semberong Timur. Pada 28 Ogos 2019, pemindahan air mentah dari Empangan Semberong ke Loji Rawatan Air Empangan Semberong Timur telah diberhentikan sementara kerana paras air Sungai Semberong berada pada tahap normal.

Kelima, Projek pembenihan 3 buah telaga air tanah atau *tube well* dengan kapasiti luahan 0.9 MLD bagi bekalan alternatif ke Loji Rawatan Air Lok Heng, Kota Tinggi. Projek tersebut telah siap pada bulan Jun 2019.

Keenam, Projek penambah Sungai Johor bagi menghalang kemasukan air masin ke loji-loji rawatan air di sungai Johor. Projek tersebut juga telah siap dan beroperasi pada tahun 2017. Dalam masa yang sama juga pada awal tahun ini, kerajaan telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan persekutuan bagi pelaksanaan projek-projek sumber air seperti cadangan Empangan Sungai Ulu Sedeli Besar, cadangan paras sungai Sedili Besar, cadangan *coastal reservoir* sungai Johor dan sungai Pulai. Projek pemindahan air mentah dari Empangan Machap ke LRA Simpang Renggam dan projek pemindahan air mentah dari sungai Sedili Besar ke LRA Tembut. Kerajaan Johor berharap agar cadangan-cadangan tersebut dapat diluluskan dan dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan pada tahun 2020. Selain daripada itu, projek bekalan air jangka panjang yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan juga termasuk cadangan penyaluran air mentah dari sungai Endau ke Empangan Sungai Ulu Sedeli Besar, projek *distillation plan* di kawasan Pengerang dan juga di Tanjung Bin, Pontian. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Tanjung Surat, jemput.

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya. Seperti yang dimaklumkan oleh EXCO bekalan air mentah dari sumber Petronas dibekalkan kepada Empangan Lebam di kawasan kami. Jadi saya nak tahu berapakah *charge* yang dikenakan oleh pihak Petronas kerana membekalkan air mentah kepada Empangan Lebam ini. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Jawapan terus terang. Petronas *charge* pihak kami RM0.50 sen. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Pekan Nenas.

YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) : Yang Berhormat Tuan Speaker, pada keadaan sekarang, selain daripada menghadapi musim kemarau yang berpanjangan. Kita juga menghadapi iaitu ancaman jerebu. Di mana kebanyakan tempat bacaan IPU sudah melebihi 100 unit di negeri Johor. Dia juga membawa banyak gangguan, khususnya dalam musim peperiksaan. Adakah kerajaan sedang ada rancangan untuk membuat pembenihan awan untuk membawa hujan di kawasan negeri Johor dan saya ingin cadangkan kerajaan untuk membuat proses pembenihan awan untuk menyelesaikan masalah kekurangan air dan juga ancaman jerebu yang berleluasa di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pekan Nenas. Bab fasal jerebu saya tidak boleh komen. Tapi untuk pembenihan awan sukacita saya maklumkan, pembenihan awan memang dalam perancangan kerajaan negeri. Tapi kita kena faham juga pembenihan awan tu kalau kita nak buat dengan efektif. Maknanya ada kesan yang efektif, ia perlu diselaraskan dengan beberapa agensi dan ia sebenarnya amat bergantung juga kepada keadaan cuaca eh. Oleh itu, kita terpaksa mendapatkan pandangan konsultan dan profesional dari Jabatan Meteorologi sebelum kita boleh membuat pembenihan awan. Kos untuk setiap kali pembenihan awan ini juga adalah RM35,000.00 setiap kali kita nak terbang. Dan, *percentage* kejayaan tu pun tidak katalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, kita

pun faham isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Johor, maka di pihak kerajaan negeri Johor memang kami tahun ni akan ada peruntukan kecemasan untuk buat pembenihan awan. Dan, untuk tahun lepas, kita ada minta bajet lebih, RM1 juta untuk kita buat pembenihan awan untuk *emergency*. Dijangka kita akan buat secepat mungkin tapi seperti yang saya katakan dia berdasarkanlah kepada keadaan-keadaan cuaca untuk, agar kita tidak membazir dan dapat maksimum *effect*. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Skudai, jemput.

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, atas jawapan yang diberikan. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebenarnya isu ini dah banyak kali kita timbulkan dan hampir setiap tahun kita terpaksa menghadapi masalah yang sama. Antara sebab selain daripada isu faktor cuaca atau iklim, sebenarnya kita perlu memberikan perhatian kepada kawasan tadahan air, di mana, walaupun saya nampak, baik kerajaan dahulu ataupun kerajaan sekarang, kita banyak berusaha untuk menerokai sumber air baru. Bagaimanapun kadangkala kita mengabaikan kerja-kerja, usaha-usaha pemulihan dan pemuliharaan kepada sumber air yang sedia ada, bagi contoh Skudai, Sungai Skudai, bagi contoh Sungai Sembrong Kiri, yang menjadi sumber air Sembrong Timur. Dan untuk mengatasi masalah itu, kita membina empangan baru seperti Empangan Kahang, di mana disebabkan rancangan yang tidak teratur ataupun tidak menyempurna, Empangan Kahang hanya menjadi satu kolam besar tetapi tidak digunakan sebanyak 2 tahun sehingga...

YB Speaker : Soalan, soalannya, Yang Berhormat?

YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) : Soalan saya, kita perlu ada rancangan yang menyeluruh satu. Dua, kita perlu ada usaha-usaha pemuliharaan kepada sumber air yang sedia ada. Saya nak minta pencerahan daripada pihak kerajaan, daripada Yang Berhormat EXCO apakah usaha terutamanya usaha pemuliharaan ke atas sumber air yang sedia ada yang bermasalah selama ini dan apakah hasilnya, apakah *outcome* dia dan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan selama ini? Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

YB Speaker : Jemput.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Skudai, saya hanya nak tegaskan di sini, selama ini kita pun faham, pemulihan sumber air itu adalah satu cara yang juga efektif, yang perlu untuk kita memastikan bekalan air di Johor ni adalah mencukupi. Tentunya saya juga setuju bahawa bukan sahaja kita kena tambah P.U daripada sungai, kalau kita boleh jimat kita pun boleh meningkatkan lagi bekalan air di Johor. Contohnya, di Sungai Skudai ia mengalami isu pencemaran yang sangat serius. Apa yang kerajaan sekarang tengah perhatikan ialah kita telah mengadakan skim untuk *adopt* menjadikan Sungai Skudai salah satu projek perintis untuk kita memulihkan Sungai Skudai. So, Skudai tak payah risaulah sebab dia dapat keutamaan untuk Sungai Skudai dan bila Sungai Skudai tu kita dapat pulih balik, kita jangka, dia akan menolong untuk menambahkan bekalan air di Johor. Sebab setakat ini, sebab ada pencemaran di Sungai Skudai, aliran air di Skudai dia tidak boleh beroperasi dengan efektif dan maksimum, tetapi kerajaan telah membuat rancangan untuk memastikan Sungai Skudai dan juga Sungai Tebrau untuk kita akan pulih balik dengan secepat mungkin.

Keduanya, kita juga menghadapi masalah pencerobohan ke kawasan tadahan air terutamanya di kawasan-kawasan di Kota tinggi. Untuk ini kita akan selaraskan bekerjasama dengan pejabat tanah dan pejabat daerah untuk memastikan mana-mana pihak yang menceroboh ke kawasan tadahan air terutamanya untuk penanaman kelapa sawit, kita akan mengambil tindakan.

Ketiga, program-program yang juga kita lakukan selain daripada kesedaran kita bersama dengan operator air kita, kita akan cuba menurunkan *NRW*, *Non Revenue Water*, yang kini adalah di tahap 23% di Johor. Sebenarnya kalau purata Malaysia dia bukan tinggi sangat, tapi kita masih tidak puas hati lagi. Sekira kita dapat *reduce NRW* kita, maka kita yakin bekalan air di Johor ini akan lagi stabil. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya, saya persilakan Penggaram. Ya Penggaram, jemput.

YB Puan Gak Peck Cheng (Penggaram) : Soalan nombor 8.

Apakah tindakan kerajaan di dalam memastikan Muzium Batu Pahat dan Projek Bandar Warisan dapat dijalankan sehingga mencapai matlamat.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Penggaram, bagi mencapai matlamat perwujudan Muzium Batu Pahat, proses awalan telah pun digerakkan bagi perolehan sumber dan bahan rujukan melalui kerjasama di antara Arkib Negara Malaysia, RTM, FINAS, NSTP, Bernama, Jabatan Penerangan serta IPTA seperti UTM, UKM dan UTHM. Bahan-bahan perolehan yang dikenal pasti buat masa ini sebagai pengisian Muzium Batu Pahat antaranya adalah berupa gambar, audio visual, pelan, artikel, buku terbitan dan juga siri wawancara.

Selain daripada itu, satu pelan perancangan akan diwujudkan bersama dengan pejabat daerah, PBT dan jabatan kerajaan yang berkaitan serta NGO bagi mendapatkan maklumat dan sumber rujukan berkenaan daerah Batu Pahat sebagai bahan pengisian yang akan dipamerkan untuk tatapan umum setelah Muzium Batu Pahat dibuka.

Manakala bagi mencapai dan merealisasikan matlamat projek Bandar Warisan, Bandar Penggaram yang dilihat antara bandar lama di Negeri Johor yang akan dicungkil penciptaan sejarahnya meliputi morfologi bandar sosiobudaya dan kehadiran tokoh-tokoh ternama. Menerusi Rancangan Kawasan Khas, RKK Bandar Penggaram yang telah mencadangkan beberapa projek dan program fizikal. Sehubungan itu, kerajaan negeri memastikan cadangan-cadangan fizikal di dalam RKK Bandar Penggaram diolah senada dengan penceritaan perkembangan bandar lama, Bandar Penggaram. Justeru, Majlis Perbandaran Batu Pahat, telah bertindak untuk melantik Pusat Kajian Alam Bina (KALAM), membantu mengumpulkan data-data penting sebagai sokongan kepada fakta yang sahih kepada sejarah warisan Bandar Penggaram.

Rancangan sesebuah bandar lama seharusnya menghargai sejarah warisan bandar agar pembangunan yang dijalankan sinonim dengan asal usul penceritaan sebenar yang kelak boleh membentuk keunikan dan identiti sesebuah bandar. *Output* kajian oleh KALAM ini akan dibukukan menjadi *coffee table*, dengan izin Bandar Penggaram. *Output* KALAM juga akan menyentuh fakta-fakta bangunan-bangunan lama yang masih wujud di Bandar Penggaram. Memberi cadangan kepada usaha aspek *urban design* dan *urban scape*, bagi memandu Majlis Perbandaran Batu Pahat di dalam mengawal bangunan-bangunan lama di dalam zon warisan tersebut.

Aset sungai Batu Pahat yang sudah tentu terkenal dengan *barter trade* perlu diambil kira sebagai warisan sejarah penting untuk diintegrasikan dengan fasad-fasad bangunan lama. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri sentiasa menyokong apa jua usaha ke arah meningkatkan imej warisan negeri Johor termasuklah menyokong usaha Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan mengetengahkan peranan Jabatan Warisan untuk membantu kelancaran KALAM mendapatkan data-data sahih dalam konteks pengumpulan maklumat-maklumat lama. Perancangan sesebuah bandar lama perlu menghayati dan memahami sejarah bandar itu sendiri agar projek-projek yang dilaksanakan tidak senada dengan bandar-bandar lain.

Warisan ini amat mahal dan suntikan input warisan ini perlu dijadikan rencah di dalam perancangan agar projek yang dilaksanakan kelak mesra kepada identiti sebenar Bandar Penggaram. Kajian warisan Bandar Penggaram boleh dibukukan untuk dijadikan *Coffee Table* Bandar Penggaram, agar fizikal bandar lama ini difahami oleh masyarakat dan generasi akan datang.

Warisan lama yang diketengahkan oleh KALAM boleh menjadi panduan kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat untuk memelihara dan mengawal pembangunan fizikal dalam pusat Bandar Penggaram. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, jemput Penggaram.

YB Puan Gak Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada EXCO. Di sini saya nak tahu apakah antara program-program yang dijangkakan akan dijalankan untuk Bandar Warisan bagi memastikan pelaksanaan program ini berjaya? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Untuk makluman Yang Berhormat Penggaram dan Tuan Speaker, sebelum ini satu lawatan kerja telah dijalankan bersama dengan pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat dan juga pihak KALAM serta Yayasan Warisan Johor untuk melihat sendiri keadaan di Bandar Warisan Batu Pahat.

Untuk makluman, antara program-program yang akan disusun oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat ialah dengan bersama dengan Yayasan Warisan Johor adalah membina *mural-mural* di *back lane* Bandar Batu Pahat Bandar Warisan Bandar Penggaram. Di mana ciri-ciri yang akan diketengahkan ialah ciri-ciri yang menunjukkan keadaan sebenar di kawasan-kawasan sekitar seperti contoh di *back lane* bandar, Jalan Ibrahim, dia merupakan kawasan yang merupakan antara Jalan Ibrahim, Jalan Engan ialah kawasan perdagangan emas pada zaman apabila Batu Pahat dibuka.

Begitu juga di Jalan Penggaram di *back lane* itu merupakan terlibatnya industri penjualan dan kedai-kedai kain dan juga tukang jahit. So, setiap penceritaan untuk kita pastikan bahawa warisan itu apabila masyarakat terutama pelancong hadir ke kawasan *back lane* ataupun Bandar Warisan mereka akan dapat lihat sendiri hasil-hasil dan penceritaan sejarah-sejarah lama Batu Pahat. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Soalan seterusnya Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

Minta dinyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat Johor.

YB Speaker : Jemput, YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Parit Raja. Bagi merealisasikan aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan Johor sebagai negeri berprestasi tinggi dan pembinaan Bangsa Johor Bestari mestilah dipasak oleh semangat permuafakatan, perpaduan serta hormat menghormati dan bekerjasama sama antara satu sama lain. Ini kerana tanpa kestabilan dan keamanan maka adalah mustahil kita dapat membangun dan memajukan negeri ke arah kecemerlangan dan kegemilangan.

Oleh sebab itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif melalui pelbagai medium dan pendekatan ke arah menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Pada tahun ini, pihak jabatan melaksanakan pelbagai program, seminar, bengkel dan forum untuk meningkatkan semangat perpaduan dan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan rakyat. Antaranya ialah mengadakan wacana pendidikan dan program-program yang telah dilaksanakan di peringkat negeri Johor ialah :-

1. Bicara Aspirasi Perpaduan Bersama Anak Muda pada 14 April 2019.
2. Seminar Memperkasakan Agenda Perpaduan Nasional Peringkat Negeri Johor Dengan Kerjasama UTM pada 24 April 2019.
3. Forum Bicara Bangsa Johor Bestari Sempena Karnival Perpaduan Di Hati pada 27 Julai 2019.
4. Forum Bicara Sayangi Ku Malaysia Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 pada 18 Ogos 2019.
5. Karnival Perpaduan Di Hati Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor 2019 pada 27 Julai 2019.
6. Program Kibar Jalur Gemilang dan Jom Ronda Semarak Patriotisme pada 16 Julai.

Pelbagai program juga telah dilaksanakan pada tahun ini di peringkat daerah dan kawasan-kawasan rukun tetangga di seluruh negeri Johor.

Program Penghayatan Rukun Negara. Berikutan dengan suhu perkauman yang meningkat pada satu-satu masa maka kerajaan negeri telah mengambil inisiatif terbaru iaitu untuk memperkukuhkan Program Penghayatan Rukun Negara di semua peringkat masyarakat. Sebagai langkah permulaan, Program Perhimpunan Rukun Negara dan pelancaran Program Penghayatan Rukun Negara peringkat negeri akan dilaksanakan pada 15 September 2019 yang akan disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Program ini antara lain bertujuan untuk :

1. Meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengalaman rukun negara dalam kalangan rakyat khususnya generasi muda.
2. Menyuntik kesedaran rakyat tentang betapa pentingnya kelima-lima prinsip Rukun Negara diamalkan dalam kehidupan seharian ke arah membina negara Malaysia yang aman, harmoni dan bersatu padu.
3. Membentuk warganegara yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni yang menjadi landasan utama kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.
4. Memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat untuk membina sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan terus mempertingkatkan lagi kesungguhan untuk memperkukuhkan agenda perpaduan kaum di negeri ini. Antaranya ialah :

1. Merangka Pelan Strategik Perpaduan Negeri Johor menjelang tahun 2020.
2. Memperhebatkan aktiviti-aktiviti promosi perpaduan melalui mesej dan slogan-slogan perpaduan.
3. Menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan peringkat negeri.

Dan, sesungguhnya segala perancangan dan pelaksanaan sesuatu tindakan tidak akan meninggalkan sebarang kesan sekiranya masyarakat masih di takuk yang lama dari sudut

tindakan dan pemikiran mereka. Kerajaan ingin menegaskan bahawa perpaduan adalah tanggungjawab kita bersama. Dan, oleh itu, seluruh rakyat mesti memainkan peranan yang signifikan untuk memastikan perpaduan dan keharmonian terus dipelihara. Ingatlah kata pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Janganlah sampai 'kalau menang jadi abu, kalau kalah menjadi arang'. Hiduplah dalam kerukunan bangsa seperti kata-kata ini. 'Di sinilah kita dilahirkan, di sinilah kita dibesarkan, di sinilah kita membina sebuah kehidupan, di sinilah kita mendapat banyak nikmat, di sinilah kita menabur bakti dan jasa demi anak bangsa, di sinilah kita akan disemadikan. Marilah kita menumpahkan kesetiaan kepada negara, marilah kita mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan, marilah kita menjulang nama negara di persada global. Sayangi Malaysia, di sinilah lahirnya sebuah cinta'. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat EXCO. Saya ada soalan tambahan iaitu saya minta apakah langkah-langkah bagi memastikan rakyat Johor menghormati dan menyanjung tinggi kepada satu lambang perpaduan dan keharmonian iaitu bendera Malaysia kita? Dan saya minta apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap individu-individu yang cuba menghina bendera Malaysia? Contohnya sengaja memasang bendera Malaysia secara terbalik kerana kita bimbang perkara-perkara ini boleh menimbulkan, menggugat perpaduan dan keharmonian yang telah dibina selama ini. Kerana keharmonian dan perpaduan ini bukan dibina dengan satu hari, bukan satu minggu, bukan satu tahun. Jadi, kita minta apakah pendirian daripada pihak kerajaan terhadap isu ini dan kita tidak mahu perkara ini berlaku di negeri Johor? Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat. Di negeri Johor kita tidak ada apa-apa insiden di mana bendera Malaysia dipasang terbalik. Dan, kalau ada apa-apa insiden kita akan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa...

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : YB saya nak betulkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ya...

YB Speaker : Nanti, habiskan dulu, habiskan dulu.

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) : Ada di Johor berlaku di kawasan Senggarang.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat Tuan Speaker...

YB Speaker : Ok.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Tapi di Senggarang itu bukan sengaja.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ok, baik. Perkara ini akan dimaklumkan dan kerajaan negeri akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang dikenal pasti bahawa mereka sengaja ataupun tak sengaja pun pasang bendera terbalik. Dan, kerajaan negeri takkan kompromi dalam isu ini dan kami akan, jadi ambil tindakan tegas dan rancangan-rancangan saya pun baru sudah beritahu apakah rancangan yang akan dilancarkan oleh kerajaan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, Layang-Layang.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak pinjam kata-kata Yang Berhormat Kempas. Saya rasa jawapan Yang Berhormat EXCO tadi agak retoriklah. Dan, kalau kita lihat polimik Dr. Zakir Naik yang hari ini berleluasa di negara tercinta ini dan ada pandangan-pandangan yang berbeza, pemimpin-pemimpin daripada Bersatu, mereka mengizinkan Dr. Zakir Naik berada di bumi bertuah Malaysia ini.

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat, soalan.

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Saya akan tanya soalan. Sabar sikit Yang Berhormat Speaker, sebab nak bagi Yang Berhormat EXCO faham. Jadi, bila kita lihat contoh baru-baru ini Dr. Zakir Naik dibenarkan hadir di Melaka untuk bersembahyang jemaah mendapat tentangan hebat daripada pemimpin-pemimpin DAP Melaka, pemimpin-pemimpin DAP Pulau Pinang pun tidak bersetuju dengan Dr. Zakir Naik ini. Tetapi pemimpin-pemimpin daripada pihak Bersatu mempunyai pandangan berbeza. Jadi, dalam konteks perpaduan di negeri Johor adakah pihak kerajaan negeri akan membenarkan Dr. Zakir Naik untuk hadir di negeri Johor ini untuk sembahyang berjemaah di masjid-masjid dan memberi syarahan untuk orang-orang Islam di negeri ini? Silakan.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih. Sebenarnya soalan ini sudah lari daripada soalan asal dan ini ialah...

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi (Layang-Layang) : Kerana ini dalam konteks perpaduan.

YB Speaker : Ok, ok.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Ini ialah soalan kepada EXCO Agama. Jadi...

YB Speaker : Dalam masjid, EXCO Agama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Jadi, kerajaan pusat telah pun ambil tindakan-tindakan yang sewajar dan kerajaan negeri pun sudah umumkan keputusan mereka. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin mengutarakan satu soalan tambahan mengenai dengan perpaduan ini. Jadi, kita sedia maklum bagi mengelakkan sebarang konflik perkauman yang akan atau yang boleh menggugatkan perpaduan. Jadi, adakah Jabatan Perpaduan bersedia ataupun akan mengadakan program terutama bagi memberi peluang kepada rakyat untuk memahami asas budaya dan nilai sesuatu kaum yang lain iaitu seperti Program Silang Budaya. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Jemput YB EXCO.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna : Negara kita ialah satu negara pelbagai kaum dan pelbagai agama. Dan, selama 62 tahun kita sudah hidup aman damai dengan memupuk program-program inklusif semua masyarakat. Jadi, kita selalu hormati satu sama lain dan kita juga hormati kebudayaan-kebudayaan lain dan kita juga beri peluang kepada semua masyarakat untuk melaksanakan, untuk mempraktikkan kebudayaan mereka. Dan, Jabatan Perpaduan selalu

berhemah dan ingin kerjasama dengan semua masyarakat untuk memperkukuh dan juga memperkasakan perpaduan di negara ini. Terima kasih.

YB Speaker : Saya kira sudah tamat. Jam sudah pukul 11.00 pagi. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia : Yang Berhormat Tuan Speaker saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Yang Berhormat Tuan Speaker saya menyokong rundingan itu.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jurutulis ada menerima satu ucapan tangguhan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 119 daripada Yang Berhormat Rengit. Saya telah meneliti kandungan teks tersebut dan saya mendapati perkara-perkara itu tidak menepati Peraturan-Peraturan Perbahasan di dalam Peraturan Tetap Bilangan 45.

Saya baca tiga kali sebenarnya surat penangguhan ini. Tiga kali saya baca, saya nak rasionalkan macam mana ucapan ini boleh dibuat di dalam Dewan ini. Tapi, ada banyak perkataan-perkataan, unsur-unsur yang tidak serasi dengan 45. Saya harap Rengit tidak kecewa dan boleh menghantar semula dalam barang kali dalam persidangan-persidangan yang akan datang. Saya berminat umpamanya cara yang dibuat oleh Benut umpamanya ya. Hujah-hujahnya ada fakta-fakta yang menarik, ada cadangan-cadangan walaupun di hujung tu ada kiasan terhadap Pakatan Harapan kerajaan, itu saya tak kisah. Tapi, kalau ada idea-idea yang bernas, yang progresif, yang dinamik, insya-Allah kita boleh terima untuk ucapan penangguhan pada masa akan datang. Sehubungan itu Ucapan Tangguhan itu tidak kita benarkan untuk Rengit.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Cik Hajah Shubannah binti Yusuf, SIJ., PIS.

Penolong Jurutulis

Encik Hasnul Atmam bin Othman
Puan Farrah Diana binti Mohammad

Ketua Unit Dewan

Puan Hajah Asiah binti Moklis

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Hajah Azlin bin Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Raihanah binti Ismail
Puan Siti Rohani binti Ahmad Suhaimi

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md. Sidi

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

*UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
12 SEPTEMBER 2019*